

Praktis Peperiksaan Akhir Tahun T4

Set 5: Soalan 9

Raja Mahmud berkelulusan ijazah mekatronik dari Universiti Teknologi Malaysia. Selepas bekerja beberapa tahun untuk sebuah majikan yang besar, beliau ingin memulakan perniagaan menjual alat-alat ganti kereta. Pada 1 Januari 2023, beliau telah mendaftarkan perniagaannya sebagai RM Spare Parts. Maklumat berikut adalah Imbangan Duga tahun kewangan pertamanya yang berakhir pada 31 Disember 2023.

Imbangan Duga pada 31 Disember 2023

	Debit RM	Kredit RM
Alatan pejabat	18,400	
Akaun belum terima dan Akaun belum bayar	2,800	5,280
Bank	5,840	
Tunai	800	
Belian dan Jualan	105,800	172,400
Pulangan masuk	1,170	
Deposit sewa	2,400	
Deposit TNB (elektrik)	1,120	
Deposit PBA (air)	410	
Sewa	15,000	
Kadar bayaran	2,940	
Diskaun diterima		260
Angkutan masuk	850	
Cukai import	3,280	
Komisen		1,060
Pinjaman bank		10,000
Insentif Usahawan Kerajaan		40,000
Kenderaan	24,000	
Faedah pinjaman	400	
Alat tulis	340	
Gaji	24,000	
Insurans	960	
Modal		15,000
Ambilan	4,200	
Hutang lapuk	80	
Belanja am	1,210	
Kos pengubahsuaian pejabat	28,000	
	244,000	244,000

Maklumat tambahan:

1. Inventori akhir berjumlah RM32,480.
2. Alat tulis yang digunakan sehingga 31 Disember 2023 adalah RM240.
3. Deposit sewa dibayar adalah sama dengan dua bulan sewa.

4. Deposit TNB dan PBA adalah RM700 dan RM250 masing-masing. Bakinya adalah bayaran bil-bil elektrik dan air yang tersilap catat dalam akaun-akaun ini.
5. Insentif usahawan kerajaan dianggap sebagai pendapatan modal dan kos pengubahsuaian pejabat dianggap sebagai perbelanjaan modal.
6. Kenderaan merujuk kepada van pikap terpakai yang dibeli pada 1 April 2023. Semua aset bukan semasa, termasuk kos pengubahsuaian pejabat, disusut nilai sebanyak 20% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.
7. Peruntukan hutang ragu diwujudkan sebanyak 5% atas baki Akaun belum terima.
8. Pinjaman bank telah diperoleh pada 1 April 2023. Kadar faedah adalah 6% setahun.
9. Insurans diperoleh pada 1 Februari 2023 dan premium insurans tahunan telah dibayar pada tarikh tersebut.
10. Komisen telah diterima terdahulu RM400 dan kadar bayaran yang masih belum dibayar berjumlah RM380.

Anda dikehendaki menyediakan:

- a) Penyata Pendapatan untuk RM Spare Parts bagi tahun berakhir 31 Disember 2023.
- b) Penyata Kedudukan Kewangan untuk RM Spare Parts pada 31 Disember 2023.